

Maklumat Komoditi : Sengkuang

Maklumat Umum

Sengkuang berasal dari Amerika Latin seperti Mexico dan Amerika Tengah namun kini ia telah ditanam di kawasan Tropika. Ia adalah sejenis tanaman yang mempunyai akar tunjang berubi dan tergolong dalam Famili Leguminosae. Sengkuang tergolong dalam tanaman singkat masa. Ia boleh dimakan segar atau dimasak sebagai sayur dan sebagai hidangan salad. Sengkuang berbentuk bulat gasing atau bulat lonjong (panjang) sementara isinya berwarna putih dan berdiameter antara 10 -15cm. Isi sengkuang juicy (watery flesh) mempunyai rasa yang manis dan rangup manakala kulit sengkuang bewarna perang muda.

BOTANI TANAMAN

Pokok sengkuang mempunyai sifat - sifat yang hampir sama dengan pokok kekacang yang lain tetapi ia mempunyai akar tunjang yang berubi besar. Pokoknya tumbuh melilit atau memanjat, mempunyai batang dan daun sedikit berbulu. Daunnya 5 - 10cm panjang. Bunganya berwarna biru keunguan (violet blue) dan kadangkala putih. Buahnya mengandungi 4-10 biji berdiameter antara 10 -15cm. Biji berbentuk hampir 4 segi ke bulat, bewarna perang, kuning atau merah.

Kesesuaian Tanaman

FAKTOR IKLIM

Sengkuang memerlukan keadaan lembab dan panas dengan dengan suhu hariannya diantara 21⁰ C - 30⁰ C dan jumlah kedapatan hujan tahunan antara 500 - 1500 mm. Ia juga boleh ditanam di kawasan tanah tinggi sehingga 1800 a.p.l.

FAKTOR TANAH

Sengkuang merupakan tanaman tanah rendah yang sangat tahan dan boleh hidup pada kebanyakan jenis tanah namun tanah peroi dan ringan adalah paling sesuai untuk tumbesaran ubi sengkuang. Bagi tanah jenis berat atau tanah berpasir, stuktur tanah perlu dibaiki dengan menambah bahan organan sebelum menanam. Bagi tanah gambut, pengapuran adalah diperlukan. pH yang paling sesuai bagi tanaman sengkuang ialah antara 5.5 - 6.8. Kebanyakan tanah di Malaysia mempunyai pH yang rendah oleh itu kapur diperlukan untuk mengurangkan kemasaman tanah tersebut.

Penyediaan Tanah

PENYEDIAAN TANAH

Penyediaan kawasan dibuat lebih awal iaitu 42 hari sebelum menanam. Kawasan perlu dibersihkan dan dibajak serta digembur sedalam 25 - 35cm dan dibiarkan selama 10 - 15 hari. GML perlu ditabur pada kawasan yang mempunyai pH kurang 5.5 pada kadar 3 - 5 tan/ha berpandukan pH tanah. Tanah diputar pula dengan alat rotovator diikuti dengan membuat batas dengan ukuran 60 - 90 cm lebar dan 30 - 40 cm tinggi dan jarak antara batas 1 meter. Batas tersebut hendaklah melintangi arah matahari. Tahi ayam digaul diatas batas mengikut keperluan tanah tersebut. 2 hari sebelum tanam, racun pra cambah disemur diatas permukaan batas.

Pengairan Dan Saliran

PENGURUSAN AIR

Pengairan boleh dilakukan dengan menyiram namun bagi petani yang menanam secara komersial sistem pengairan renjis adalah digalakkan. Sistem pengairan renjis mempunyai kecekapan pengairan 65-75% dan keperluan tenaga kerja yang rendah. Kos bahan bagi sistem ini adalah diantara RM 5 000 - RM 8 000 sehektar. Jenis perenjis yang sesuai digunakan mempunyai julat tekanan operasi yang rendah, 1.5 - 2.5 kg/cm dengan kadar alir perenjis 0.3 - 1.0 liter/minit dan garis pusat liputan siraman 25 - 30 m. Penyiraman adalah sangat perlu terutama pada peringkat penanaman dan peringkat juvenil. Tanpa penyiraman yang tetap sepanjang hari akan menjejaskan pertumbuhan pokok sengkang. Perparitan diperlukan bagi kawasan yang menghadapi masalah saliran. Parit ladang boleh dibina untuk mengalirkan air yang bertakung ke parit utama.

Sistem Penanaman

PENANAMAN

Sengkang ditanam dari biji benih. Biji benih yang baru dipetik tidak mudah bercambah, oleh itu biji benih yang baru hendaklah disimpan selama satu atau dua bulan. Keperluan biji benihnya lebih kurang 10kg/ha perlu dirawat dengan racun kulat thiram terlebih dahulu. Gunakan sejenis alat untuk membuat lubang diatas batas dengan jarak 15cm dalam barisan dan 30cm antara baris. Biji benih ditabur terus ke lubang tersebut sebanyak 2 biji selubang. Benih ditanam sedalam 2 - 3cm dan ditimbus semula bagi mengelakkan terdedah kepada musuh dan panas matahari. Biji benih yang baru disemai hendaklah disiram sekurang - kurangnya sekali sehari ketika cuaca panas. Biji benihnya keras dan biasanya percambahan berlaku dalam jangka masa 2 minggu selepas menanam.

MENYULAM

Pemindahan semaian sengkang (menyulam) tidak digalakkan. Ini kerana ia memberi kesan yang kurang sihat kepada pembentukan ubi. Proses pemindahan biasanya merosakkan akar tunjang mengakibatkan pertumbuhan yang tidak baik dan pembentukan ubi yang tidak normal. Ia juga boleh menyebabkan pokok menghasilkan dua atau tiga ketul ubi yang kecil.

PENJARANGAN

Hanya satu pokok sahaja dibiarkan tumbuh bagi satu lubang. Pokok yang betul-betul segar dan kuat dibiarkan tumbuh dan yang lainnya hendaklah dibuang.

MEMBUANG BUNGA/DAHAN

Kerja membuang bunga sengkang sangat perlu bagi menggalakkan pembentukan ubi yang besar dan berkualiti. Bunga atau cabang perlu dibuang sekurang-kurangnya 3 kali pusingan iaitu pada hari ke 50, 75 dan 95 HLT. Hanya 3 cabang/dahan dibiarkan dan mempunyai lebih kurang 12 helai daun sahaja.

Sistem Pembajaan

PEMBAJAAN

Pengesyoran pembajaan sempurna bergantung kepada keadaan tanah setempat. Secara amnya pembajaan bagi tanaman sengkuang menggunakan baja inorganik dan baja organik iaitu tahi ayam atau baja organik yang terdapat di pasaran. Pembajaan yang disyorkan bagi tanaman sengkuang adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 3 : Pembajaan Yang Disyorkan Bagi Tanaman Sengkuang

PUSINGAN	MASA	JENIS BAJA	KADAR/HA
Asas	Sebelum menanam	Baja organan (tahi ayam)	4 tan
I	20 HLT	NPK 12:12:17:2	300 kg
II	40 HLT	NPK 12:12:17:2	300 kg
III	60 HLT	NPK 12:12:17:2	300 kg
IV	80 HLT	NPK 12:12:17:2	300 kg

Penuaian

KEMATANGAN DAN PENGUTIPAN HASIL

Sengkuang boleh dipetik 4 - 5 bulan selepas ditanam. Pokok yang cukup matang daunnya berwarna kekuning-kuningan. Kerja-kerja yang perlu dilakukan ialah mencabut, memotong, mengumpul dan mengisi ke dalam bakul. Ubi sengkuang hendaklah digali berhati-hati. Semasa mencabutnya pokok janganlah ditarik terlalu kuat kerana ini akan merosakkan kulit ubi. Kulit yang telah koyak menyebabkan buah sengkuang tidak tahan lama dan merendahkan juga harga pasarnya. Bagi mereka yang menanam dalam kawasan yang luas kutipan boleh dilakukan secara mekanikal menggunakan traktor yang dipasang alat pengorek khas. Alat ini mempunyai 2 unit mata piring yang tajam dan dipasang kepingan besi melintang di bahagian belakang untuk mengorek ubi sengkuang. Hasil potensi dianggarkan antara 25 - 35tan/ha. Sengkuang boleh disimpan melebihi sebulan dengan suhu diantara 13 hingga 15°C. Sengkuang mudah rosak jika disimpan dalam jangkamasa yang lama pada suhu kurang daripada 12.5°C. Selepas dituai sengkuang perlu dibasuh untuk menghilangkan tanah yang terlekat dikelilingnya.

Varieti

Bil.	Varieti
1	Tiada

